



SASBADI SDN. BHD. (139288-X)

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4,
Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara,
47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: +603 6145 1188
Fax: +603 6145 1199
Website: www.sasbadi.com
Email: enquiry@sasbadi.com

Tarikh: 10 Februari 2026

No. Rujukan: ED2-4242/BM-240

Dr. Mohd Saipuddin Suliman,
Kulliyyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM),
KM 1, Jalan Panchor, 84600 Pagoh,
Muar, Johor.

Tuan,

Pelantikan Sebagai Pengarang *Masterclass STPM Bahasa Melayu Semester 3 2026*

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Susulan daripada perbincangan berkenaan dengan hal ini, sukacita dimaklumkan bahawa pihak kami bersetuju untuk melantik tuan sebagai pengarang bagi buku ***Masterclass STPM Bahasa Melayu Semester 3 2026*** (Bab 1, Bab 2, Bab 3, Bab 4, Bab 5, Bab 6, Bab 7, Bab 8, Kertas Model STPM, dan Jawapan).
3. Sehubungan dengan itu, kami memohon jasa baik tuan untuk menyiapkan manuskrip buku berkenaan pada tarikh yang telah ditetapkan.
4. Selain menyediakan manuskrip lengkap, tuan juga diminta menyemak pruf laser buku berkenaan sekurang-kurangnya sekali. Tindakan ini penting bagi memastikan buku tersebut bebas daripada kesalahan ejaan, tanda baca, tatabahasa, dan fakta.
5. Untuk penulisan buku ini, tuan akan menerima bayaran secara royalti mengikut jumlah peratusan yang terkandung dalam kontrak penerbitan (***10% dikongsi bersama-sama dengan empat orang penulis lain***). Sekiranya tuan mempunyai kemusykilan berkenaan dengan buku ini, silalah berhubung dengan saya melalui talian 03 6145 1188.
6. Bersama-sama dengan surat ini, saya sertakan surat persetujuan untuk menjadi pengarang buku berkenaan. Surat itu hendaklah ditandatangani dan diserahkan kepada pihak Sasbadi dengan kadar segera.
7. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana kesudian tuan memilih Sasbadi Sdn. Bhd. untuk berkarya. Semoga penerbitan buku berkenaan berjalan dengan lancar dan menepati jadual yang telah dirancang.

Sekian.

Yang benar,

(MOHD HAFIDZ BIN MAT ISA)
Editor Bahasa Melayu

Tarikh: 13 Februari 2026
No. Rujukan: ED2-4242/BM-240

Mohd Hafidz bin Mat Isa,
Sasbadi Sdn. Bhd.,
Lot 12, Jalan Teknologi 3/4,
Taman Sains Selangor 1, Kota Damansara,
47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

Persetujuan Menjadi Pengarang *Masterclass STPM Bahasa Melayu Semester 3 2026*

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan rasa besar hati dan penghargaan kepada pihak Sasbadi Sdn. Bhd. kerana melantik saya sebagai pengarang ***Masterclass STPM Bahasa Melayu Semester 3***.
3. Sehubungan dengan itu, saya bersetuju untuk menyiapkan manuskrip buku tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan. Saya juga bersetuju dengan kadar bayaran yang telah ditetapkan oleh pihak Sasbadi, iaitu secara royalti mengikut jumlah peratusan yang terkandung dalam kontrak penerbitan buku tersebut.
4. Untuk memastikan buku tersebut bebas daripada kesalahan ejaan, tanda baca, tatabahasa, dan fakta, saya bersetuju untuk menyemak pruf laser buku berkenaan sekurang-kurangnya sekali. Semoga semakan yang dibuat dapat memastikan kualiti buku terbitan Sasbadi sentiasa terjamin dan terpelihara.
5. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Sasbadi kerana memberikan kesempatan dan peluang kepada saya untuk berkarya. Semoga kerjasama ini akan terus terjalin pada masa akan datang.

Sekian.

Yang benar,



MOHD SAIPUDDIN SULIMAN
(No. Mykad: 851017-11-5353)